UUM ONLINE: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, daya keusahawanan amat penting dan perlu ada dalam diri setiap diri mahasiswa dalam menghadapi kehidupan yang kian mencabar pada masa kini.

"Daya keusahawanan seperti sikap bekerjasama, berdaya saing dan mencipta peluang perlu ada dalam diri mahasiswa dalam membentuk mereka menjadi masyarakat yang dapat menghadapi dan menyelesaikan masalah walaupun mereka tidak menjadi usahawan," tambah beliau lagi dalam Majlis Perasmian Penutupan Program Usahawan Graduan Cemerlang (u-GRACE).

Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah pada Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana menyambut hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha melahirkan graduan yang bergelar usahawan tanpa bergantung harap pada kerajaan dalam mencari pekerjaan.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dalam ucapannya berkata, Program u-GRACE unik dan berbeza dari program keusahawanan yang lain kerana setiap peserta telah menghadapi lima fasa utama iaitu jati diri, simulasi perniagaan, penempatan keusahawanan, pembentangan rancangan perniagaan dan pemantauan perniagaan.

"Hasil garapan lima fasa utama dalam u-GRACE telah melahirkan hampir separuh usahawan daripada 100 peserta. Malah sekiranya hasil kerjasama UUM dan KPT ini berjaya, ia akan dikembangkan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain dalam melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam negara ini," ujar beliau lagi di majlis yang berlangsung di Putrajaya Marriott Hotel pada malam khamis yang lalu.

Selain itu, wakil peserta u-GRACE, Mohd Sallam Abdullah berkata, program anjuran Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) ini banyak membantu peserta untuk berdaya saing dalam pembentukkan diri menjadi usahawan hasil pengalaman menghadapi lima fasa utama yang diterapkan sepanjang program berkenaan.

Pada majlis yang sama, kumpulan *Great Collaboration Style* telah dinobatkan juara Pertandingan Perniagaan yang membawa mereka memenangi wang tunai sebanyak RM10,000 untuk menewaskan kumpulan XY di tempat kedua yang memenangi wang tunai RM8,000 dan kumpulan 5 *Strike* di tempat ketiga sebanyak RM6,000.

Wakil kumpulan *Great Collaboration Style,* Nur Hidayah Amer Hamzah ketika ditemui berkata, beliau melahirkan rasa bersyukur kerana hasil penat mereka sekumpulan berbaloi apabila dinobatkan juara Pertandingan Perniagaan.

"Kami sekumpulan menghadapi pelbagai rintangan sepanjang pertandingan, antaranya sikap dengki segelintir peniaga lain yang menghalang kami menjual di sekitar sekolah, walaupun kami menjual *key chain* berbanding mereka yang menjual makanan," tambah Nur Hidayah lagi.

Sementara itu, Mohd Hussin Misri telah memenangi tempat pertama Rancangan Perniagaan Terbaik mengatasi Mohd Hafiz Mansor di tempat kedua dan Madeehah Mahayudin serta Noor Aini Hashim di tempat ketiga.

Di majlis yang sama juga, Mohd Sallam Abdullah telah dinobatkan Tokoh *Social Entrepreneur* untuk kategori lelaki dan untuk kategori perempuan dinobatkan kepada Norazlyra Azaiddin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, Prof Dr Rujhan Mustafa, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Saleh, Penolong Naib Canselor *College Of Business* (COB), Prof Dr Mahamad Tayib, Penolong Naib Canselor UUM *College of Arts and Science* (CAS), Prof Madya Dr Suhaidi Hassan, Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif, Pengarah CUIC, Prof Madya Dr Hartini Ahmad, dekan-dekan, pegawai-pegawai universiti, kakitangan universiti dan peserta u-GRACE.

Habis.